

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	27/3/2012

Najib gemar buku sejarah, biografi

BH-27/3/2012

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak, berkata dari dulu lagi beliau suka membaca buku mengenai sejarah, pemikiran strategik dan kisah tokoh masyarakat.

"Saya sudah membesar dengan buku-buku sebegini," kata Perdana Menteri dalam laman blog www.1malaysia.com, semalam.

Katanya, koleksi buku beliau sekarang masih sama seperti dulu, iaitu bahan bacaan yang cenderung ke arah penulisan bukan fiksiyen.

Buku-buku sebegini, kata beliau, tidak menghidangkan senario seperti dalam buku fiksiyen yang hanya dipenuhi imaginasi.

Najib berkata, buku bukan fiksiyen menggariskan satu mesej yang cukup bermakna, iaitu perihal manusia dan kemanusiaan yang sebenar, selain menceritakan kisah dan situasi sebenar selain ujian dan kejayaan sebenar yang dialami oleh insan biasa, bukan yang dibentuk imaginasi.

Perdana Menteri berkata, cerita sebegini turut diadaptasi dan diceritakan semula dalam bentuk percetakan, skrin dan pementasan.

Katanya, sebagai Perdana Men-

teri, hari-hari beliau selalunya dipenuhi dengan aktiviti berkaitan kerja.


"Oleh itu, saya amat menghargai masa yang dapat diluangkan untuk aktiviti peribadi yang saya gemari, seperti membaca buku," kata Najib sambil menjelaskan bahawa baru-baru ini beliau berkesempatan membaca buku biografi mengenai Steve Jobs, pengasas komputer Apple yang meninggal dunia dunia akibat kanser, baru-baru ini.

Katanya, ketabahan luar biasa ikon seperti Nelson Mandela, Sir Winston Churchill atau pandangan berharga Malcolm Gladwell, W Chan Kim dan Rene Maubourgne sudah dan akan terus menyemarakkan lagi aspirasi masyarakat.

Najib menyeru rakyat Malaysia yang mempunyai masa terluang supaya membaca sekerap yang mungkin.

Perdana Menteri juga meminta orang ramai memberi komen dalam blognya mengenai bahan bacaan kegemaran mereka agar beliau dapat tahu buka apa yang menjadi pilihan rakyat Malaysia masa kini.

- BERNAMA



Buku bukan fiksiyen gariskan satu mesej yang cukup bermakna, iaitu perihal manusia dan kemanusiaan sebenar

Najib Razak
Perdana Menteri